

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI  
Lokasi : HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 05-05-1993

Pada 29 April, YAB Perdana Menteri telah berucap di Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri. Saya telah memperolehi transkrip ucapan itu.

Di antara lain, YAB Perdana Menteri telah berucap seperti berikut:

(i) "...Kita sanggup melatih diri kita, mendisiplinkan diri kita supaya kita dapat mentadbir negara kita untuk mencari kemajuan untuk membangunkan negara ini. Sedikit demi sedikit kita telah mencapai kejayaan dan jentera pentadbiran semakin lama menjadi semakin besar, semakin kompleks kerana di zaman moden ini pentadbiran bukanlah terhad kepada law and order. Kalau dahulu pentadbir cuma menumpukan kepada keadaan keselamatan supaya rakyat tidak menghadapi masalah anarchy tetapi sekarang ini pentadbiran mempunyai bermacam-macam bidang yang perlu diuruskan dan kita terpaksa meningkatkan pengetahuan kita dan keupayaan kita lebih daripada itu kita juga perlu meningkatkan ethics kita, disiplin kita kerana tanpa ethics tanpa disiplin kita tidak mungkin mentadbir negara kita ini. Keruntuhan banyak pemerintahan negara yang baru mencapai kemerdekaan, runtuh kerana tidak ada disiplin, tidak ada kejujuran, keikhlasan honesty mustahil kita dapat mendirikan sesuatu pentadbiran yang berkesan. Kalau tiap seorang daripada kita lebih mengutamakan diri daripada tugas kita kepada masyarakat, kita tetap akan gagal. Tetapi Alhamdulillah, di Malaysia walaupun ada juga orang yang mengutamakan dirinya terlibat dengan rasuah dan sebagainya, tetapi umumnya majoriti memang mempunyai sifat-sifat yang baik, etika yang baik dan dengan itu kita dapat memikul tanggungjawab yang baru dan bertambah ini dengan tidak gagal seperti pentadbir di negara-negara yang lain";

(ii) "...Kita telah berjaya sehingga ke suatu tahap yang mana hari ini negara-negara lain menghantar pentadbir-pentadbir mereka ke Malaysia untuk belajar bagaimana mentadbir sebuah negara dan mereka pula tahu bahawa Malaysia ini lebih kompleks kerana penduduk negara kita ini terdiri daripada berbagai kaum, menganut berbagai ugama, mempunyai bahasa yang berbeza-beza, budaya yang berlainan, jadi sepatutnya negara kita menghadapi rusuhan tetapi Alhamdulillah kita berjaya bekerjasama, kita berjaya untuk mentadbir dengan berkesan dan mereka datang untuk melihat keadaan dalam negara kita"; dan

(iii) "...Saya ingin tegaskan bahawa anggaplah kejayaan negara kita sebagai hadiah yang terbesar sekali dan kita harus berusaha lagi untuk menjayakan negara kita ini sebagai satu balasan terhadap kejayaan usaha-usaha kita sebagai anggota pentadbiran negara kita ini".

Pada pagi hari 27 April yang lalu, saya percaya bahawa seluruh anggota perkhidmatan awam merasa bangga di atas laporan- laporan akhbar mengenai ucapan YAB Perdana Menteri itu. The New Straits Times pada muka surat 2 di bawah ruangan "Home News" membawa headline yang berbunyi: "Dr. M : We should be proud of our administrative system". Di tengah-tengah laporan itu dinyatakan: "Because of our success in the administrative system, we have earned the respect of the others and are able to stand tall even amongst the developed countries," he said, adding that it was a precious gift which Malaysians cherish. He said many developing countries are worse off now than when they were under their colonial masters because of weak administrations.

Saudara-saudara dan saudari-saudari yang telah bersara dan diberi penghormatan pada malam ini adalah menjadi sebahagian daripada anggota-anggota perkhidmatan awam yang dimaksudkan oleh YAB Perdana Menteri itu. Oleh hal yang demikian, saya tiada mempunyai kata-kata secantik bahasa yang mampu memberi penilaian ke atas prestasi cemerlang saudara-saudara dan saudari- saudari sekalian. Saya telah mengenali Y.Bhg. Tan Sri Dato' Wong Kum Choon lebih daripada 25 tahun, dan beliau adalah merupakan seorang ahli ekonomi yang pintar dan pentadbir professional yang berkualiti tinggi. Some people have tact; others tell the truth. Tan Sri Wong mempunyai kedua-dua sifat ini, sebagaimana yang boleh saya nilaikan semasa berurusan dengan beliau, sama ada secara rasmi mahupun di dalam pergaulan-pergaulan di antara dua orang sahabat yang lama. He is a good listener at meetings. The world seem to be full of people who speak twice before they think once. Saya dapati bahawa Y.Bhg. Tan

Sri Wong Kum Choon's intervention dan juga pendapat-pendapat serta buah fikirannya yang dikemukakan dalam jawatankuasa-jawatankuasa kerajaan dan sebagainya sebagai bernas. YAB Perdana Menteri apabila menimbangkan perlanjutan perkhidmatannya sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama memaklumkan kepada saya bahawa he is always well prepared for his meetings referring, of course, to the numerous international meetings that he attended with the Prime Minister.

Some one once said: "Women will never be men's equals until they can sport a bald spot on their heads and still think they're handsome". My senior colleague in the University of Malaya in Singapore, Y.Bhg. Dato' Asiah Abu Samah does not need that formula to be equal with men.

Beliau telah mencipta sejarah apabila dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan wanita yang pertama, dan sebaris dengan Allahyarham Aminuddin Baki dan Tun Hamdan Sheikh Tahir, to name the two most illustrious occupants of the post. Some minds are like concrete - all mixed up and permanently set.

Y.Bhg. Dato' Asiah Abu Samah does not have a stubborn disposition.

Saya mengucapkan selamat bersara kepada pegawai-pegawai yang selainnya, termasuklah pegawai-pegawai tentera yang telah menyumbangkan kepada keselamatan dan kedaulatan negara kita. Selamat bersara juga secara khusus saya tujukan kepada Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd. Ghazali Abdul Rahman, yang saya kenali semenjak tahun 1967 apabila Kelab Golf Negara Subang mula dibuka, dan beliau kerap bermain golf dengan saya pada tahun-tahun enam puluhan dahulu.

Pada umur 55 tahun, saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian tidaklah boleh digulungkan sebagai orang-orang tua. Bob Hope once remarked that you know you are getting old when the candles cost more than the cake. I do not know what your destiny will be; but one thing I know : the only ones among you who will be really happy are those who have sought and found how to serve. Kepada isteri-isteri yang telah memberi dorongan kepada pesara- pesara ini, saya ucapkan terima kasih bagi pihak Yang di-Pertua PUSPANITA; kepada Dato' Asiah? She is the lady who knows all the answers, but hasn't asked the question; selamat berkecimpung dengan buku-buku Y.Bhg. Dato'. They say education is transmitting civilization. Terima kasih, dan selamat bersara.